

NAMA PELAJAR .....

NO. KAD PENGENALAN 

						-			-				
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

TINGKATAN 5 .....

5226

NOVEMBER

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2022**

---

**TASAWWUR ISLAM**

(Masa: 2 jam 30 minit)

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi *dua* bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab *semua* soalan dalam **Bahagian A**. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan.
3. **Bahagian B** mengandungi **6** soalan. Jawab *empat* soalan sahaja
4. Jawab *semua* **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
5. Tulis *semua* jawapan **Bahagian A** dan *semua* jawapan **Bahagian B** dalam *buku jawapan* atau *kertas jawapan* yang disediakan.
6. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
<b>A</b>	1-20	20	
<b>B</b>	1	20	
	2	20	
	3	20	
	4	20	
	5	20	
	6	20	
<b>Jumlah</b>			

---

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

**Bahagian A**

[20 markah]

**Tulis semua jawapan Bahagian A di kertas jawapan.****Soalan 1 hingga Soalan 4***Tulis istilah yang betul dengan pernyataan berikut pada ruangan kosong yang disediakan*

1. Ilmu yang digunakan oleh manusia bagi memenuhi keperluan ekonomi individu dan masyarakat berteraskan aturan syariat Islam serta mencegah ketidakadilan dalam pemerolehan dan penggunaan sumber alam.
2. Menyelaraskan tenaga manusia agar mengikut satu perancangan untuk mencapai objektif yang ditetapkan
3. Cara hidup yang lengkap merangkumi akidah ibadah dan akhlak.
4. Unit sosial yang dihubungkan melalui pertalian darah perkahwinan atau pengambilan anak angkat


**Soalan 5 hingga soalan 8***Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang disediakan.*

Mengurangkan	Al-Ijma'	Syura	Dalil	Syariat	Meningkatkan
--------------	----------	-------	-------	---------	--------------

5. Islam tidak melarang umatnya untuk berhibur asalkan hiburan itu boleh \_\_\_\_\_ keimanan.
6. Islam membenarkan umatnya untuk berfesyen dan mestilah memenuhi \_\_\_\_\_ Islam dan tidak melampau batas.
7. Berikut merupakan sumber utama sistem perundangan Islam, al- Quran, al- Hadis, \_\_\_\_\_ dan al-Qias.
8. Piagam Madinah telah dibentuk dengan adanya pengamalan konsep \_\_\_\_\_ dalam pemerintahan baginda Rasulullah SAW.

Soalan 9 hingga soalan 11 berdasarkan rajah di bawah

Rajah 1 di bawah berkaitan jenis institusi kewangan Islam



Rajah 1

9. X ialah \_\_\_\_\_

10. Y ialah \_\_\_\_\_

11. Z ialah \_\_\_\_\_

Soalan 12 hingga soalan 13

Rajah 2 dibawah berkaitan dengan jenis dan kesalahan jenayah dalam Islam

Jawapan	Pernyataan
R	Kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya
S	Harta yang wajib diberikan kepada waris orang yang dibunuh sebagai ganti hukuman Qisas yang tidak dapat dilaksanakan

Rajah 2

12. R ialah \_\_\_\_\_


13. S ialah \_\_\_\_\_



**Soalan 14 sehingga soalan 16** berdasarkan **Jadual 1** di bawah.

*Tulis jawapan yang betul dalam ruangan yang disediakan.*

**Jadual 1** di bawah berkaitan dengan ciri-ciri muamalat Islam.



**Jadual 1**

14. **X** ialah \_\_\_\_\_

15. **Y** ialah \_\_\_\_\_

16. **Z** ialah \_\_\_\_\_

**Soalan 17 hingga Soalan 20**

*Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang betul.*

*Tandakan ( X ) pada pernyataan yang salah.*

17. Pada zaman pemerintahan Nabi Muhammad SAW belum terdapat institusi kewangan

☐

18. Hukuman kepada pesalah Qazaf ialah 80 kali sebatan

☐

19. Insan makhluk istimewa kerana dikurniakan akal fikiran

☐

20. Akal dapat memikirkan tentang zat Allah SWT

☐

**BAHAGIAN B**

[80 markah]

Jawab **empat** soalan sahaja.*Tulis semua jawapan Bahagian B di kertas jawapan*

1. (a) i. Nyatakan maksud Syumuliyyah  
(2 markah)
- ii. Jelaskan **dua** ciri-ciri prinsip Syumuliyyah  
(4 markah)
- iii. Terangkan **dua** keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam  
(4 markah)
- (b) i. Jelaskan **dua** peranan pekerjaan  
(2 markah)
- ii. Terangkan kesan pekerjaan yang halal terhadap masyarakat.  
(2 markah)
- (c) Terdapat sistem ekonomi konvensional yang mengamalkan riba dan tidak adil terhadap rakyat.  
i. Nyatakan **dua** jenis sistem ekonomi konvensional yang dianggap menzalimi rakyat.  
(2 markah)
- ii. Pada pendapat anda, mengapakah sistem ekonomi konvensional di atas tidak menepati syariat Islam?  
(4 markah)
2. (a) Apakah maksud hamba?  
(2 markah)
- (b) i. Huraikan **dua** ciri wahyu.  
(4 markah)
- ii. Terangkan **dua** kedudukan akal.  
(4 markah)

Telegram @soalanpercubaanSPM

- (c) i. Terangkan **dua** kesan pengabaian pelaksanaan sistem perundangan Islam.

(4 markah)



Al-Quran adalah salah satu daripada sumber utama perundangan Islam.

- ii. Senaraikan **satu** sumber perundangan Islam selain daripada al-Quran.

(1 markah)

- iii. Ramalkan apa yang berlaku sekiranya masyarakat tidak berpegang kepada al-Quran sebagai sumber perundangan.

(5 markah)

3. (a) i. Terangkan **dua** kepentingan sistem sosial Islam dari aspek ekonomi.

(4 markah)

- ii. 

Sering kita saksikan di mana-mana bandar besar terdapat gelandangan yang menumpang tidur di tepi-tepi bangunan sedangkan mereka mempunyai keluarga.

Bagaimana institusi kekeluargaan Islam menyelesaikan masalah di atas.

Berikan pendapat anda.

(6 markah)

- (b) i. Apakah maksud pengurusan Islam?

(2 markah)

- ii. Senaraikan **empat** ciri pentadbir yang baik dalam Islam

(4 markah)

- iii. Jelaskan **dua** perbezaan antara negara Islam dengan negara bukan Islam.

(4 markah)



4. (a) i. Alamiyyah adalah salah satu daripada prinsip pandangan hidup Islam.  
Nyatakan pengertian Alamiyyah  
(2 markah)
- ii. Jelaskan **dua** ciri prinsip 'Alamiyyah.  
(4 markah)
- iii. Huraikan **dua** bukti ajaran Islam bersifat 'Alamiyyah.  
(4 markah)
- (b) i. Jelaskan peranan Takaful dalam institusi kewangan Islam di Malaysia.  
(2 markah)
- ii. Pemilikan harta dalam Islam bermaksud sesuatu yang dikurniakan oleh Allah kepada hambaNya untuk dimiliki dan memanfaatkan menurut kehendak syarak.  
Jelaskan **dua** matlamat pemilikan harta.  
(2 markah)
- (c) i. Pada pandangan anda, mengapakah masih ada peniaga yang tidak tidak bermuamalat dengan cara muamalat Islam?  
(2 markah)
- ii. Sebagai seorang peniaga, apakah langkah anda untuk menggalakkan masyarakat bermuamalat dengan muamalat Islam  
(4 markah)
5. (a) Setiap manusia mempunyai tanggungjawab kepada Allah SWT, manusia dan alam.
- i. Terangkan **dua** tanggungjawab manusia kepada Allah SWT.  
(4 markah)
- ii. Jelaskan **dua** punca pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.  
(4 markah)
- (b) i. Nyatakan maksud kehakiman Islam.  
(2 markah)
- ii. Huraikan **dua** matlamat sistem kehakiman Islam.  
(4 markah)



(c)



- i. Gambar di atas adalah salah satu contoh daripada kesalahan takzir. Nyatakan **satu** contoh kesalahan takzir selain daripada gambar di atas.  
(1 markah)
- ii. Bincangkan apakah hukuman yang sesuai dengan kesalahan takzir di atas.  
(5 markah)

6. (a) Kesenian Islam bermaksud aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak.

- i. Jelaskan **dua** konsep kesenian Islam.  
(4 markah)
- ii. Terangkan **dua** kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam.  
(4 markah)
- iii. Rasulullah SAW bersabda:

***“Sesungguhnya Allah itu indah, Dia suka akan segala yang indah”***

(Riwayat Muslim)

Bagaimana pandangan anda tentang kesenian berdasarkan hadis di atas. Huraikan.

(6 markah)

(b) Sistem pemerintahan Islam merupakan satu kaedah pemerintahan sebuah negara yang ditadbir berdasarkan ajaran agama Islam serta melaksanakan syariat Islam.

- i. Terangkan **dua** ciri sistem pemerintahan Islam.  
(4 markah)
- ii. Senaraikan **dua** prinsip negara Islam.  
(2 markah)

**KERTAS JAWAPAN  
BAHAGIAN A**

<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
<b>1</b>	
<b>2</b>	
<b>3</b>	
<b>4</b>	
<b>5</b>	
<b>6</b>	
<b>7</b>	
<b>8</b>	
<b>9</b>	
<b>10</b>	
<b>11</b>	
<b>12</b>	
<b>13</b>	
<b>14</b>	
<b>15</b>	
<b>16</b>	
<b>17</b>	
<b>18</b>	
<b>19</b>	
<b>20</b>	

**PERATURAN PEMARKAHAN  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**

**BAHAGIAN A**

<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
<b>1</b>	Ekonomi Islam
<b>2</b>	Pentadbiran
<b>3</b>	Al-Din
<b>4</b>	keluarga
<b>5</b>	Meningkatkan
<b>6</b>	Syariat
<b>7</b>	Al-Ijma'
<b>8</b>	Syura
<b>9</b>	<b>X</b> Baitulmal/Wakaf/Zakat/Tabung Haji
<b>10</b>	<b>Y</b> Baitulmal/Wakaf/Zakat/Tabung Haji
<b>11</b>	<b>Z</b> Baitulmal/Wakaf/Zakat/Tabung Haji
<b>12</b>	<b>R</b> Takzir
<b>13</b>	<b>S</b> Diat
<b>14</b>	Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis / Adil dan mendatangkan manfaat / tidak melakukan penipuan
<b>15</b>	Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis / Adil dan mendatangkan manfaat / tidak melakukan penipuan
<b>16</b>	Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis / Adil dan mendatangkan manfaat / tidak melakukan penipuan
<b>17</b>	<b>X</b>
<b>18</b>	√
<b>19</b>	√
<b>20</b>	<b>X</b>



## BAHAGIAN B

1.	(a)	i.	<b>Maksud Syumuliyah ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Lengkap iaitu agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan di dunia dan akhirat.</li> </ul>	1 isi x 2m 2 markah
		ii.	<b>Dua ciri prinsip Syumuliyah ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesempurnaan hanya milik Allah <i>yang tidak boleh dipertikaikan</i></li> <li>- Islam tidak terikat dengan masa, tempat dan ruang tertentu <i>untuk seluruh umat manusia</i></li> <li>- Manusia dibekalkan dengan akal dan syariat yang lengkap <i>sesuai dengan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT</i></li> </ul>	2 isi x 2m 4 markah
		iii.	<b>Dua keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sesuai dengan fitrah dan akal manusia <i>kerana Allah lebih mengetahui fitrah kejadian manusia.</i></li> <li>- Bersifat jelas dan praktikal <i>agar mudah dilaksanakan dan tidak membebankan</i></li> <li>- Sesuai dengan peranan sebagai khalifah <i>untuk memakmurkan kehidupan dan kesejahteraan manusia</i></li> <li>- Keseimbangan <i>dalam hubungan dengan Allah, manusia dan alam sekitar</i></li> <li>- Mementingkan budaya ilmu <i>bagi membina ketamadunan dan kemajuan hidup berdasarkan ilmu</i></li> <li>- Rahmat bagi sekalian alam <i>kerana Islam mementingkan nilai kasih sayang dan persaudaraan</i></li> </ul>	2 isi x 2m 4 markah
	(b).	i.	<b>Dua peranan pekerjaan ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memenuhi tuntutan ibadah kepada Allah</li> <li>- Menunaikan tanggungjawab bagi memenuhi keperluan asasi kehidupan individu dan keluarga</li> <li>- Meningkatkan taraf sosioekonomi individu, masyarakat dan negara</li> <li>- Meningkatkan pembangunan ekonomi Negara</li> </ul>	2 isi x 1m 2 markah
		ii.	<b>Kesan pekerjaan yang halal terhadap masyarakat ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Masyarakat sejahtera <i>kerana diberkati Allah</i></li> <li>- Masyarakat maju <i>kerana menjalankan kegiatan ekonomi yang adil</i></li> </ul>	1 isi x 2m 2 markah

	(c).	i.	<b>Dua jenis sistem ekonomi konvensional ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kapitalis</li> <li>- Komunis</li> <li>- Sosialis</li> <li>- Campuran</li> </ul>	2 isi x 1m 2 markah
		ii.	Pada pendapat saya, sistem ekonomi konvensional ini tidak menepati syariat Islam kerana:  <b><u>Cadangan jawapan:</u></b>  Ketidakadilan pengagihan harta kekayaan dalam masyarakat ( <b>I</b> ) kerana tidak mempunyai kebebasan untuk memiliki usaha sendiri. ( <b>H1</b> ) Kesannya pengagihan harta hanya tertumpu kepada kelompok kelas atasan sahaja. ( <b>H2</b> ) Kesimpulannya, sistem ekonomi hendaklah berdasarkan ekonomi Islam agar hidup sejahtera di dunia dan akhirat. ( <b>H3</b> )	4 isi x 1m 4 markah
2.	(a).	i.	<b>Maksud hamba ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhannya dan menjauhi segala larangannya.</li> </ul>	1 isi x 2m 2 markah
	(b).	i.	<b>Dua ciri wahyu ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Datang daripada Allah SWT <i>yang kebenarannya adalah mutlak.</i></li> <li>- Diturunkan kepada nabi dan rasul sahaja <i>bukan kepada orang awam.</i></li> <li>- Penurunan wahyu adalah melalui perantaraan malaikat Jibril a.s melalui mimpi yang benar, suara di sebalik tabir atau ilham ke dalam hati Rasulullah SAW <i>untuk disampaikan risalahnya kepada umat manusia.</i></li> <li>- Kesucian terpelihara sehingga hari kiamat <i>tanpa ada perubahan.</i></li> <li>- Wahyu terhenti dan tidak diturunkan lagi selepas kewafatan Rasulullah SAW <i>kerana nabi adalah yang terakhir.</i></li> </ul>	2 isi x 2m 4 markah



		ii.	<b>Dua kedudukan akal ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kurniaan Allah SWT <i>yang paling istimewa kepada manusia.</i></li> <li>- Membantu memahami kandungan wahyu <i>yang sebenar untuk diamalkan dalam kehidupan.</i></li> <li>- Menjadi syarat dalam mempelajari ilmu <i>untuk memahami dengan lebih baik.</i></li> <li>- Menjadi syarat penerimaan taklif syariat Islamiah <i>yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah.</i></li> <li>- Mempunyai keterbatasan untuk menjelaskan sesuatu <i>seperti perkara ghaib.</i></li> </ul>	2 isi x 2m= 4 markah
	(c).	i.	<b>Dua kesan pengabaian pelaksanaan sistem perundangan Islam ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Merosakkan akidah <i>seperti berlaku perkara syirik dan kufur.</i></li> <li>- Mengancam keselamatan nyawa <i>seperti berlaku jenayah pembunuhan.</i></li> <li>- Merosakkan akal <i>melalui perbuatan minum arak dan penagihan dadah.</i></li> <li>- Merosakkan keturunan manusia <i>seperti lahir anak luar nikah.</i></li> <li>- Mewujudkan sistem ekonomi yang haram <i>seperti amalan riba dan rasuah.</i></li> </ul>	2 isi x 2m 4 markah
		ii.	<b>Satu sumber perundangan Islam selain daripada al-Quran ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- al-Hadis</li> <li>- al-Ijmak</li> <li>- al-Qias</li> </ul>	1 isi x 1m markah
		iii.	Sekiranya masyarakat tidak berpegang kepada al-Quran sebagai sumber perundangan:  <b><u>Cadangan jawapan:</u></b>  Masyarakat tidak menjalani kehidupan Islam yang sebenar ( <b>I</b> ) kerana tidak menghayati ajaran al-Quran ( <b>H1</b> ) yang merupakan panduan kepada umat Islam ( <b>H2</b> ) yang ajarannya kekal sehingga hari kiamat ( <b>H3</b> ). Oleh itu kita hendaklah sentiasa memahami dan mendalami ajaran al-Quran agar mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat ( <b>H4</b> )	5 isi x 1m 5 markah



3.	(a).	i	<b>Dua Kepentingan sistem Sosial Islam dari aspek ekonomi ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberi kebebasan kepada semua pihak berusaha mencari harta dan memiliki kekayaan secara halal <i>untuk menyara kehidupan.</i></li> <li>- Menegakkan keadilan ekonomi dalam masyarakat <i>melalui sistem jual beli dan mengharamkan riba.</i></li> </ul>	2 isi x 2m 4 markah
		ii.	Institusi kekeluargaan Islam menyelesaikan masalah gelandangan:  <b><u>Cadangan jawapan:</u></b>  Ahli keluarga hendaklah melaksanakan tanggungjawab <b>(I)</b> yang telah digariskan oleh syariat Islam <b>(H1)</b> contohnya suami isteri yang berperanan melengkapkan keperluan keluarga <b>(H2)</b> seperti tempat tinggal dan makanan <b>(H3)</b> agar kehidupan keluarga terbela. <b>(H4)</b> Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa berusaha untuk membentuk keluarga bahagia mengikut acuan Islam agar masalah kepincangan dalam kalangan ahli keluarga dapat diatasi dengan baik. <b>(H5)</b>	6 isi x 1m 6 markah
	(b).	i.	<b>Maksud Pengurusan Islam ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengguna serta menyelenggara sumber manusia dan sumber alam untuk kebajikan manusia.</li> </ul>	1 isi x 2m 2 markah
		ii.	<b>Empat ciri pentadbir yang baik dalam Islam ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Beriman</li> <li>- Beramanah</li> <li>- Berwawasan</li> <li>- Ikhlas</li> <li>- Positif</li> <li>- Inovatif</li> <li>- Dinamik</li> <li>- Integriti</li> </ul>	4 isi x 1m 4 markah

		iii.	<b>Dua perbezaan antara negara Islam dengan negara bukan Islam ialah:</b> <table><tr><th>NEGARA ISLAM</th><th>NEGARA BUKAN ISLAM</th></tr><tr><td>Allah SWT sebagai kuasa tertinggi Negara.</td><td>Pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan.</td></tr><tr><td>Iman dan taqwa sebagai ciri utama ketua negara hingga rakyat biasa.</td><td>Mengabaikan syarat keimanan dan ketakwaan dalam memilih pemimpin.</td></tr><tr><td>Merangkumi seluruh dunia dan batas sempadan selagi ada yang mengucapa dua kalimah syahadah.</td><td>Memisahkan sesebuah negara berdasarkan faktor geografi dan mementingkan kewarganegaraan rakyat.</td></tr><tr><td>Menjadikan undang-undang Allah sebagai undang-undnag negara.</td><td>Menjadikan undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara.</td></tr></table>	NEGARA ISLAM	NEGARA BUKAN ISLAM	Allah SWT sebagai kuasa tertinggi Negara.	Pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan.	Iman dan taqwa sebagai ciri utama ketua negara hingga rakyat biasa.	Mengabaikan syarat keimanan dan ketakwaan dalam memilih pemimpin.	Merangkumi seluruh dunia dan batas sempadan selagi ada yang mengucapa dua kalimah syahadah.	Memisahkan sesebuah negara berdasarkan faktor geografi dan mementingkan kewarganegaraan rakyat.	Menjadikan undang-undang Allah sebagai undang-undnag negara.	Menjadikan undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara.	2 isi x 2m 4 markah
NEGARA ISLAM	NEGARA BUKAN ISLAM													
Allah SWT sebagai kuasa tertinggi Negara.	Pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan.													
Iman dan taqwa sebagai ciri utama ketua negara hingga rakyat biasa.	Mengabaikan syarat keimanan dan ketakwaan dalam memilih pemimpin.													
Merangkumi seluruh dunia dan batas sempadan selagi ada yang mengucapa dua kalimah syahadah.	Memisahkan sesebuah negara berdasarkan faktor geografi dan mementingkan kewarganegaraan rakyat.													
Menjadikan undang-undang Allah sebagai undang-undnag negara.	Menjadikan undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara.													
4.	(a).	i.	<b>Maksud alamiyyah ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Sarwajagat iaitu Islam ialah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.</li></ul>	1 isi x 2m 2 markah										
		ii.	<b>Dua ciri prinsip Alamiyyah ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Kedudukan manusia sebagai sebaik-baik kejadian <i>yang diciptakan oleh Allah SWT.</i></li><li>- Nilai keadilan Islam bersifat sejagat <i>tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.</i></li><li>- Islam sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran <i>untuk melahirkan insan yang beriman kepada Allah SWT.</i></li><li>- Islam menjamin hak asasi manusia <i>agar keadilan sosial dapat dipelihara.</i></li></ul>	2 isi x 2m 4 markah										
		iii.	<b>Dua bukti ajaran Islam bersifat Alamiyyah ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Menentang diskriminasi perkauman <i>untuk mengekalkan perpaduan.</i></li><li>- Keadilan Islam bersifat sejagat iaitu untuk semua manusia <i>tanpa mengira agama dan bangsa.</i></li></ul>	2 isi x 2m 4 markah										
	(b).	i.	<b>Peranan Takaful dalam institusi kewangan Islam di Malaysia ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Menyediakan sistem perlindungan yang patuh syariah.</li><li>- Persediaan bagi menghadapi malapetaka kewangan.</li></ul>	1 isi x 2m 2 markah										



		ii.	<b>Dua matlamat pemilikan harta ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendapat keberkatan dan rahmat Allah</li> <li>- Menjamin keselamatan hidup di dunia dan akhirat</li> <li>- Membangunkan ekonomi umat Islam</li> <li>- Mengelakkan berlakunya penindasan dan kezaliman</li> <li>-</li> </ul>	2 isi x 2m 4 markah
	(c).	i.	Masih ada peniaga yang tidak tidak bermuamalat dengan muamalat Islam: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kerana mereka ingin mengaut lebih banyak keuntungan sehingga lupa pada syariat Islam <i>seperti halal dan haram.</i></li> </ul>	1 isi x 2m 2 markah
		ii.	Sebagai seorang peniaga, cara saya bermuamalat dengan muamalat Islam:  <b><u>Cadangan jawapan:</u></b>  Mengelakkan penipuan dalam urus niaga ( <b>I</b> ) seperti tidak mengurangkan berat timbangan ( <b>H1</b> ) agar kedua dua pihak redha meredhai dalam berurusan ( <b>H2</b> ). Kesimpulannya kita mestilah mengamalkan muamalah Islam supaya tidak berlaku penindasan dalam masyarakat ( <b>H3</b> )	4 isi x 1m 4 markah
5.	(a).	i.	<b>Dua tanggungjawab manusia kepada Allah SWT ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyembah Allah SWT Yang Maha Esa <i>tanpa mensyirikan-Nya.</i></li> <li>- Mematuhi segala perintah Allah SWT serta menjauhi larangan-Nya <i>agar mendapat keberkatan hidup.</i></li> <li>- Bersyukur atas nikmat dan sentiasa mengingati-Nya <i>dengan zikirullah.</i></li> <li>- Berselawat dan mendelani Rasulullah SAW <i>dengan akhlak terpuji.</i></li> </ul>	2 isi x 2m 4 markah
		ii.	<b>Dua punca pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT ialah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Syariat Islam tidak dilaksanakan <i>dengan sempurna dalam kehidupan.</i></li> </ul>	2 isi x 2m 4 markah



			<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengabaikan Pendidikan <i>terutamanya Pendidikan Islam</i>.</li> <li>- Kelemahan urusan pentadbiran dan salah guna kuasa <i>yang menyebabkan pergaduhan dan persengketaan dalam masyarakat</i>.</li> <li>- Hilang sikap hormat menghormati antara masyarakat <i>yang menyebabkan keharmonian tergugat</i>.</li> <li>- Masyarakat bersikap malas dan memilih pekerjaan <i>menyebabkan berlakunya gejala sosial</i>.</li> </ul>	
	(b).	i.	<p><b>Maksud kehakiman Islam ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyelesaikan pertikaian atau tuntutan antara dua pihak atau lebih melalui proses undang-undang berdasarkan hukum syarak.</li> </ul>	1 isi x 2m 2 markah
		ii.	<p><b>Dua matlamat sistem kehakiman Islam ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menegakkan keadilan sejagat <i>tanpa mengira darjat, pangkat, keturunan dan agama</i>.</li> <li>- Menentang kezaliman <i>yang boleh menggugat keamanan hidup masyarakat</i>.</li> <li>- Membela orang yang dizalimi <i>demi menegakkan keadilan</i>.</li> </ul>	2 isi x 2m 4 markah
	(c).	i.	<p><b>Satu contoh kesalahan takzir selain daripada gambar di atas ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Rasuah</li> <li>- Berjudi</li> <li>- Kesalahan jalan raya</li> <li>- Penyalahgunaan dadah</li> <li>- Menipu</li> </ul>	1 isi x 1m 1 markah
		ii.	<p>Hukuman yang sesuai dengan kesalahan takzir:</p> <p><b><u>Cadangan Jawapan:</u></b></p> <p>Denda (I) yang bertepatan dengan kesalahan yang dilakukan (H1) agar memberi kesedaran dan keinsafan kepada pesalah (H2) agar tidak melakukan perkara yang berulang (H3). Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa memberi kerjasama kepada pihak yang berkuasa untuk membanteras gejala ini daripada berleluasa (H4).</p>	5 isi x 1m 5 markah

6.	(a).	i.	<p><b>Dua konsep kesenian Islam ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengagungkan Allah SWT <i>dalam karya seni yang dihasilkan.</i></li> <li>- Berteraskan syariat Islam yang <i>berpandukan al-Quran dan al-Sunnah.</i></li> <li>- Meliputi aspek iman dan akhlak <i>agar dapat meningkatkan keimanan kepada Allah SWT.</i></li> <li>- Bersifat menyeluruh <i>meliputi fizikal dan kerohanian.</i></li> <li>- Membangun potensi umat Islam <i>dalam menghasikan kesenian yang menepati syarak.</i></li> </ul>	2 isi x 2m 4 markah
		ii.	<p><b>Dua kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengakui dan meyakini Kekuasaan Allah SWT <i>Yang Maha Berkuasa lagi Maha Menciptakan.</i></li> <li>- Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT <i>melalui penciptaan seni yang dihasilkan.</i></li> <li>- Memenuhi fitrah manusia <i>yang menyukai keindahan selari dengan syarak.</i></li> <li>- Mengetahui batasan manusia dalam berkarya <i>agar tidak menyalahi akidah.</i></li> <li>- Memberi panduan dalam menghasilkan seni <i>yang menepati nilai-nilai akhlak Islam.</i></li> <li>- Mempamerkan kecemerlangan tamadun Islam <i>yang menepati kehendak syarak.</i></li> </ul>	2 isi x 2m 4 markah
		iii.	<p>Pandangan saya tentang kesenian ialah:</p> <p><b><u>Cadangan jawapan:</u></b></p> <p>Islam tidak melarang kesenian (I) kerana kesenian adalah sesuatu yang unik serta dapat meningkatkan hasil ciptaan seseorang (H1) seperti seni khat dan kaligrafi (H2) yang boleh mempamerkan keindahan seni tulisan khat yang berbagai jenis (H3) untuk dipamerkan kepada generasi muda (H4). Kesimpulannya kita hendaklah memperluaskan ilmu pengetahuan berkaitan dengan kesenian agar dapat menaikkan imej umat Islam di mata dunia (H5)</p>	6 isi x 1m 6 markah



(b).	i.	<p><b>Dua ciri sistem pemerintahan Islam ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Meletakkan Allah SWT sebagai pemegang kuasa <i>yang mutlak</i>.</li> <li>- Peranan umat Islam sebagai khalifah yang diamanahkan <i>untuk memakmurkan muka bumi</i>.</li> <li>- Mengamalkan syura <i>dalam pemerintahan</i>.</li> <li>- Segala perkara yang diputuskan dalam pemerintahan <i>bersesuaian dengan kehendak rakyat</i>.</li> <li>- Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar <i>iaitu menganjurkan kebaikan serta mencegah daripada melakukan kejahatan</i>.</li> <li>- Rakyat terdiri daripada golongan yang menyakini prinsip dan dasar negara Islam <i>yang ditetapkan</i>.</li> <li>- Bebas <i>daripada ikatan keturunan, warna kulit, dan kawasan geografi</i>.</li> <li>- Negara Islam mengutamakan penghayatan akhlak <i>yang mulia</i>.</li> </ul>	2 isi x 2m 4 markah
	ii.	<p><b>Dua prinsip negara Islam ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Musyawarah</li> <li>- Keadilan</li> <li>- Kebebasan</li> <li>- Persamaan</li> </ul>	2 isi x 1m 2 markah